

20 AUG 1999

MAHATHIR-TABUNG ASIA

SOKONGAN BAGI TABUNG KEWANGAN ASIA PENTING, KATA MAHATHIR

Oleh: Ali Mamat

BEIJING, 20 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengulangi bahawa sokongan dari negara-negara di rantau ini adalah penting untuk pengwujudan Tabung Kewangan Asia (AMF) yang dicadangkan Jepun.

Beliau juga melahirkan keyakinan bahawa institusi tersebut akan menjadi kenyataan kerana Jepun, yang kaya dengan sumber kewangan yang terbesar di rantau ini, boleh menjadi peneraju dengan memberi sumbangan utama dan awalnya kepada tabung yang diperlukan itu.

"Krisis ekonomi yang belum pernah berlaku sebelum ini yang melanda negara-negara di rantau ini menunjukkan betapa perlunya tabung serantau itu dibentuk, di mana ekonomi-ekonomi terjejas boleh mengharapkan bantuan agar dapat menghalang ekonomi-ekonomi daripada bertambah buruk," Perdana Menteri memberitahu sidang akhbar di sini di akhir lawatan kerja tiga harinya ke China.

Beliau berlepas ke Ulan Ude, ibu negeri Buryatia, sebuah republik autonomi di dalam Persekutuan Russia lewat pagi ini, juga untuk lawatan tiga hari.

Dr Mahathir berkata Malaysia percaya AMF adalah konsep yang perlu disokong dan rakan sejawatannya, Zhu Rongji, telah menunjukkan sambutan yang menggalakkan terhadap idea itu apabila perkara itu diutarakan semasa perbincangan dua hala mereka di sini pada Rabu lalu.

Zhu dan Presiden Jiang Zemin yang Dr Mahathir temui semalam, juga berkongsi pendapat yang serupa dengan Malaysia berhubung keperluan untuk mengadakan kerangka kewangan global baru dan ketelusannya.

Menjawab satu soalan, Perdana Menteri berkata meskipun ternyata bahawa ekonomi sesetengah negara Asia yang terjejas oleh krisis ekonomi baru-baru ini sedang pulih, namun fasa pertumbuhan tidaklah sepantas seperti yang pernah dialami.

"Ambil Malaysia misalnya. Sebelum kegawatan, kita pernah mengalami kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 8 peratus. Bagaimanapun, unjuran semasa kita hanyalah satu peratus," jelasnya.

Dr Mahathir menambah bahawa sesetengah negara yang terjejas mungkin akan mengambil masa sehingga 10 tahun untuk pulih dan itu pun dengan syarikat negera-negara berkenaan tidak tertakluk kepada serangan terutamanya oleh pedagang-pedagang matawang Barat.

"Bagaimanapun, saya yakin ekonomi Asia akan pulih sepenuhnya dalam masa depan terdekat," katanya.

Dr Mahathir juga berkata beliau tidak nampak alasan mengapa kuasa-kuasa nuklear yang lain akan gagal mengesahkan idea Zon Bebas Nuklear Tenggara Asia (SEANFEZ) apabila China, yang sering dianggap oleh yang lain sebagai ancaman, bersedia menerima idea tersebut.

"Demi kedamaian, keselamatan dan kestabilan, saya berpendapat kuasa-kuasa nuklear yang lain seharusnya memikirkan semula kedudukan mereka dan menyokong idea itu," katanya.

Menjawab soalan lain, Dr Mahathir berkata majlis pecah tanah kilang kereta Proton di Hoh Hot, Pedalaman Mongolia semasa lawatan ke China terpaksa ditunda kerana terdapat beberapa perkara yang perlu diselesaikan dengan Kerajaan Pusat China.

"Rundingan dengan Kerajaan Pusat mengenai projek usaha sama pemasangan kereta nasional antara Proton dan rakan kongsi Chinanya belum lagi selesai," katanya.

Perdana Menteri pada asalnya dijadualkan merasmikan majlis pecah tanah untuk kilang tersebut semalam. Sebaliknya, lawatannya ke Hoh Hot dibatalkan.

-- BERNAMA

AM MA